

Soalan No:45

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI
[BUKIT BENDERA]

TARIKH : 29.11.2017

SOALAN :

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan mengapa Ketua Menteri Pulau Pinang tidak dibenarkan untuk memasuki SJK(C) Kampung Sungai Lembu untuk membuat lawatan berkenaan isu yang melibatkan persekitaran kawasan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memperuntukkan kuasa kepada Pengarah Pendidikan Negeri untuk mempertimbangkan dan meluluskan permohonan menjemput orang kenamaan ke sekolah. Perkara ini telah dimaklumkan melalui pematuhan kepada Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.3/2008; Mengundang Orang Kenamaan ke Upacara Sekolah dan Penggunaan Premis Sekolah oleh Pihak Luar.

Kerjasama pihak luar dengan KPM sangat dialu-alukan, termasuklah dalam pemberian sumbangan kepada pihak sekolah tanpa melibatkan sebarang unsur politik dan kepentingan individu tertentu tertakluk kepada perundangan dan pekeliling yang sedang berkuatkuasa.